

Headline	UiTM wujud Pusat Atta ur Rahman		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	V3	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	290 cm ²
Journalist	Oleh Nurul Fhatihah Zakinan	AdValue	RM 9,818
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,454



UiTM wujud Pusat Atta-ur-Rahman

Oleh Nurul Fhatihah Zakinan
bhvarsiti@bharian.com.my

► Shah Alam

Universiti Teknologi MARA (UiTM) muncul universiti pertama di negara ini mewujudkan pusat kecemerlangan penyelidikan membabitkan produk hasil alam semula jadi termasuk untuk tujuan perubatan.

Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Seri Dr Sahol Hamid Abu Bakar, berkata pusat yang terletak di kampus Puncak Alam itu akan dinamakan Pusat Atta-ur-Rahman, bersempena dengan tokoh perubatan Islam yang banyak menggunakan bahan semula jadi.

"Pusat ini bakal menjadi platform buat penyelidik, ahli akademik dan saintis mengkaji jujuk-jujuk kimia daripada alam semula jadi untuk membangunkan teknologi serta menghasilkan produk," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis memeterai dua perjanjian bagi membentuk

sebuah konsortium dengan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan serta agensi berkaitan bagi perkongsian sumber bahan semula jadi

dan membentuk kerjasama penyelidikan dengan beberapa universiti Pakistan.

Kerjasama

Konsortium itu membabitkan (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Kerjasama penyelidikan dengan IPT Pakistan pula

membabitkan Pusat Kajian Sains Kimia dan Biologi Antarabangsa (ICCBS), Universiti Sains dan Teknologi Pakistan (NUST) dan Universiti Islam Bahawalpur (IUB).

Bersempena dengan majlis memeterai perjanjian itu, UiTM turut menganjurkan Persidangan Produk Semula Jadi Antarabangsa (INCP) membabitkan penyertaan dari 20 negara peserta.

Prof Sahol Hamid berkata, persidangan itu menjadi platform buat penyelidik dan ahli sains membentangkan penemuan

serta membincangkan teknologi terbaru berkaitan aspek pembangunan sains kajian produk semula jadi.

"Selain meneroka

idea baharu, persidangan itu juga membolehkan peserta mewujudkan rangkaian serta perhubungan bagi meraih manfaat bersama-sama dalam bidang ini," katanya.

Manfaat sampingan

Sementara itu, Presiden Persatuan Sumber Semulajadi Malaysia (MNPS), Prof Dr Ibrahim Jantan, berkata penuhuan konsortium itu juga membolehkan perkongsian sumber bahan semula jadi antara institusi terbabit bagi membolehkan penyelidikan dijalankan.

"Konsortium ini juga membolehkan anggota mem-

bincangkan aspek kewujudan ubat-ubat perubatan palsu atau tidak berkualiti yang berselindung di sebalik nama ubat tradisional yang banyak di pasaran," katanya.

Headline	UiTM wujud Pusat Atta ur Rahman		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	V3	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	290 cm ²
Journalist	Oleh Nurul Fhatihah Zakinan	AdValue	RM 9,818
Frequency	Daily	PR Value	RM 29,454



Majlis MoU INCP 2013, di Pusat Konvensyen Shah Alam.